

Kem bina semangat akan ditubuh di seluruh negara

KUCHING 22 Mei — Kerajaan akan menyediakan kem bina semangat di seluruh negara untuk melahirkan generasi muda yang bersemangat tinggi, gigih serta berani menghadapi cabaran semasa ke arah menjayakan wawasan 2020.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukannya telahpun disediakan untuk melatih rakyat Malaysia di seluruh negara.

Berucap merasmikan Pusat Bina Semangat Kem Permai kira-kira 35 kilometer dari sini beliau berkata, matlamat perubahan ini adalah untuk melahirkan belia berkeperibadian sihat agar dapat menilai peranan mereka dalam menyokong pembangunan masa kini juga masa depan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, negara tidak akan maju kerana wang dan pengetahuan semata-mata tetapi hendaklah disusuli oleh nilai hidup yang sesuai dengan kehidupan.

Konsep yang ditonjolkan oleh kem bina semangat adalah satu contoh yang

baik untuk mendidik generasi semua peringkat supaya berani dalam semua keadaan berasaskan persediaan dan latihan bukannya berani secara melulu.

Kepandaian dan keberanian kadangkala disalahgunakan kerana individu atau sesebuah masyarakat itu tidak mempunyai nilai kemanusiaan yang dikehendaki, apalagi memahami kehendak kumpulan masyarakat atau negara, katanya.

Beliau percaya sifat gigih dan amanah yang disertai keberanian dapat memajukan masyarakat di samping mampu menangkis masalah sosial seperti dadah.

Katanya, rakyat juga perlu menilai kemunduran sendiri dan cabarannya di masa hadapan sebagai persediaan membangunkan negara agar setanding dengan yang maju di seluruh dunia.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa bangganya di atas pencapaian pembangunan di Sarawak yang begitu pesat dan maju dicapai dalam tempoh 30 tahun ini.